



## **Dasar makro berhemat lebih kukuh diperlukan bagi mengurangkan risiko daripada perubahan iklim dan perkembangan Teknologi Kewangan di Asia Memuncul**

Paris, 29 Jun 2021 – Menurut laporan bertajuk *Mengukuhkan Dasar Makro Berhemat di Asia Memuncul: Menyokong matlamat hijau dan Teknologi Kewangan* oleh Pusat Pembangunan OECD, dasar makro berhemat yang semakin berkembang di Asia Memuncul, berperanan penting dalam peralihan kepada ekonomi karbon rendah dan digital.

Laporan itu menerangkan dasar makro berhemat yang telah diamalkan di rantau ini semenjak pertengahan 1990-an dengan mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan risiko sistemik dan memelihara kestabilan sistem kewangan. Langkah-langkah tersebut telah diambil oleh pengatur dasar di Asia Memuncul berikutan dua krisis kewangan utama yang telah menjejaskan rantau ini selama berdekad-dekad. Baru-baru ini, beberapa negara telah meminda peraturan perbankan Basel III ke dalam undang-undang negara mereka, dan merombak institusi makro berhemat serta pengaturannya.

Laporan tersebut turut menyatakan cabaran-cabaran utama yang mungkin dihadapi oleh pihak berkuasa di Asia Memuncul dalam melaksanakan dasar-dasar ini dengan berkesan, dan memberikan cadangan untuk mengatasinya: menilaikan keberkesanan dasar makro berhemat perlu mengambil kira perkaitannya dengan dasar kewangan; mengambil kira hubungan antara pengantara bank dan pengantara bukan bank; mengambil kira kesan rentas sempadan; mengoptimumkan penyasaran dasar makro berhemat untuk mencegah bahaya moral; mengambil kira akibat daripada krisis COVID-19; membentuk rangka kerja yang betul untuk menilaikan kedudukan makro berhemat sesebuah negara.

Risiko-risiko berkaitan dengan perubahan iklim boleh menjejaskan sistem kewangan di negara-negara Asia Memuncul dengan ketara. Demikian, bank-bank pusat perlu bertindak tegas dan penggubal dasar perlu mengubah atau meningkatkan dasar makro kewangan bagi menangani risiko-risiko sistemik berkaitan dengan perubahan iklim, dan menyokong pelaburan karbon rendah. Dasar-dasar boleh menyepadukan risiko berkaitan iklim untuk menguji tekanan makro berhemat. Ia juga boleh merangkumi instrumen yang dapat menghadkan bilangan bank yang meminjam kepada sektor karbon tinggi, dan mengalihkan semula aliran kredit kepada pelaburan yang mesra iklim.

Perkembangan teknologi kewangan –*Fintech*– telah menghasilkan cabaran-cabaran baharu, termasuk: kegiatan yang lebih berisiko, ketidakstabilan dalam sektor; dan penyahantaraan. Untuk menangani isu-isu ini, negara-negara Asia Memuncul harus mengukuhkan dasar-dasar makro berhemat bagi mengawal firma-firma *Fintech*. Pihak pengatur juga perlu bekerjasama dalam menggabungkan peraturan yang ada bagi mengelakkan risiko-risiko berkaitan aktiviti *Fintech* antara sempadan.

Wartawan diminta menghubungi Kensuke Tanaka, Ketua Meja Asia di Pusat Pembangunan OECD ([Kensuke.Tanaka@oecd.org](mailto:Kensuke.Tanaka@oecd.org), +33 6 27 19 05 19), atau Bochra Kriout di Pejabat Berita Pusat Pembangunan OECD ([Bochra.Kriout@oecd.org](mailto:Bochra.Kriout@oecd.org), +33 1 45 24 82 96).